



TEKS UCAPAN

YB DATO SRI ALEXANDER NANTA LINGGI
MENTERI KERJA RAYA

MERASMIKAN

MAJLIS PENYERAHAN SURAT SETUJU TERIMA (SST)
DAN SESI SUAI KENAL BERSAMA KONTRAKTOR-KONTRAKTOR
PROJEK LEBUHRAYA PAN BORNEO SABAH FASA 1B

JUMAAT | 4 OKTOBER 2024 | 8.00 MALAM
KOTA KINABALU, SABAH

SALUTASI

SALAM SEJAHTERA DAN SALAM MALAYSIA MADANI,

1. Terlebih dahulu, marilah kita sama-sama menzahirkan rasa kesyukuran di atas kesempatan untuk kita bersama-sama menyaksikan **Majlis Penyerahan Surat Setuju Terima (SST) Dan Sesi Suai Kenal Bersama Kontraktor-Kontraktor Projek Lebuhraya Pan Borneo (LPB) Sabah Fasa 1B.**
2. Terima kasih dan setinggi penghargaan kepada AJK Pelaksana Majlis serta kerjasama dan sokongan padu yang telah diberikan oleh semua pihak sama ada daripada agensi Kerajaan, swasta, kontraktor serta rakan-rakan media dalam menjayakan program ini.
3. Untuk pengetahuan semua, Negeri Sabah merupakan salah sebuah negeri yang menerima peruntukan yang besar bagi pelaksanaan pelbagai projek pembangunan untuk kemudahan rakyat. Kerajaan Persekutuan telah meluluskan pelbagai projek infrastruktur melibatkan jalan dan jambatan di dalam Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12) untuk dilaksanakan di negeri ini. Antara projek mega yang terlibat adalah seperti Projek Lebu Raya Pan Borneo Sabah atau LPB Sabah ini.
4. Projek LPB Sabah merupakan inisiatif Kerajaan Persekutuan untuk menambahbaik secara berperingkat jaringan jalan raya Persekutuan di Sabah yang akan merubah landskap infrastruktur dan aksesibiliti serta keterhubungan antara bandar-bandar utama di Negeri ini dengan lebih efisien, selesa dan selamat.

5. Projek LPB Sabah Fasa 1 sepanjang 706 km dibahagikan kepada dua (2) Fasa yang terdiri daripada 35 Pakej Kerja seperti berikut:
 - a) Fasa 1A yang terdiri dari 16 Pakej Kerja merangkumi 336km, dengan kos pembangunan bernilai RM10.849 bilion
 - b) Fasa 1B yang mengandungi 19 Pakej Kerja merangkumi sepanjang 370km dengan kos pembangunan bernilai RM13.989 bilion
6. Fasa 1A telah dimulakan pada tahun 2016 dan sehingga kini telah mencapai 78% siap. Fasa ini dijadualkan siap secara keseluruhan menjelang suku kedua 2026.
7. Saya amat gembira kerana fasa seterusnya, iaitu Fasa 1B, telah pun selesai proses perolehan dan kini sedia untuk dilaksanakan.
8. Ingin saya ingatkan kepada semua pihak, keutamaan Kerajaan adalah untuk melaksanakan dan menyiapkan kedua-dua Fasa 1A dan 1B mengikut perancangan dengan mutu spesifikasi, kos dan jadual yang telah diluluskan.
9. Dengan siapnya LPB Sabah Fasa 1 kelak, saya pasti rakyat di negeri ini akan dapat merasakan impak positif seperti:
 - i. Peningkatan aksesibiliti dan mobiliti melalui jalan darat yang lebih selamat dan selesa di sepanjang jajaran LPB Sabah;
 - ii. Infrastruktur berkualiti yang setara di bandar dan di luar bandar;
 - iii. Pengalaman perjalanan yang selesa dengan penjimatan masa perjalanan;

- iv. Peningkatan taraf sosio ekonomi penduduk setempat;
- v. Perjalanan yang lebih selamat dengan risiko kemalangan jalanraya yang lebih rendah; dan
- vi. Pertumbuhan ekonomi yang lebih rancak di kawasan-kawasan strategik sepanjang jajaran.

Hadirin Yang Dihormati Sekalian,

10. Penyerahan SST kepada **13** kontraktor-kontraktor yang dilantik pada malam ini adalah bukti komitmen Kerajaan untuk memastikan kesinambungan dan kelancaran Projek LPB Sabah Fasa 1 dalam memacu ekonomi negara dan merancakkan lagi pembangunan kontraktor terutama kontraktor pembinaan.
11. Seperti seruan saya kepada kontraktor yang saya buat beberapa hari lalu supaya tiada lagi EOT atau EOT mesti dielakkan dalam projek Kerajaan, sekali lagi ingin saya ingatkan kepada semua kontraktor untuk menjalankan amanah dengan profesional, berintegriti dan beretika. Kontraktor-kontraktor yang dipilih ini telah melalui proses tapisan dan penilaian yang ketat maka saya percaya anda mampu merancang kerja dan sumber manusia dengan baik, keperluan jentera dan bahan binaan demi memastikan mutu spesifikasi, jadual, masa dan kos yang telah ditetapkan dipatuhi secara holistik.
12. Perunding dan pengurus projek mesti memantau dengan rapi bagi memastikan setiap spesifikasi kerja dipatuhi. Laporan kerja juga hendaklah dibuat mengikut format dan masa yang ditetapkan supaya pembayaran dapat dibuat mengikut masa. Saya tidak mahu di kemudian

hari, mendengar rungutan bayaran lambat dan sebagainya yang akhirnya menjejaskan jadual dan mutu kerja.

13. Ingin saya ulang pesanan YAB Perdana Menteri ketika beliau berada di Sabah baru-baru ini untuk mempercepatkan pembinaan LPB Sabah dan tiada tolak ansur pada kelewatan. Ini sudah tentu memerlukan komitmen, kerjasama dan koordinasi yang sepenuhnya dari pihak Kerajaan, kontraktor, perunding dan semua pihak yang terlibat. Ini jugalah harapan saya.

Hadirin Yang Dihormati Sekalian,

16. Akhir kata, ingin saya zahirkan harapan Kementerian semoga Projek LPB Sabah Fasa 1B ini dapat dilaksanakan dan disiapkan dengan jayanya bagi menghasilkan rangkaian infrastruktur yang berkualiti tinggi dengan jalan raya dan jambatan yang selamat dan selesa yang akan menjadi kebanggaan negara terutama rakyat Negeri Sabah. Usaha ini hanya dapat dijayakan dengan kerjasama semua pihak, dan kerjasama itulah yang saya harapkan.

17. Semoga kita dapat melunaskan tanggung jawab ini dengan sempurna, demi kesejahteraan rakyat dan negara.

Sekian, terima kasih.